

KOLABORASI STRATEGIK DIPERKASA:

HASiL DAN SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA METERAI

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bagi memperkukuh kerjasama strategik antara kedua-dua agensi dalam mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan, pematuhan serta tadbir urus ekosistem kewangan negara.

Majlis pemeteraian yang berlangsung di Menara HASiL, Cyberjaya telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dan YBhg. Dato' Mohammad Faiz Azmi, Pengerusi Eksekutif SC, disaksikan oleh pengurusan tertinggi kedua-dua agensi.

Inisiatif strategik ini dilihat sebagai satu permulaan kerjasama strategik yang baik antara agensi dalam aspek kerjasama ke arah meningkatkan tahap pematuhan cukai dan memastikan pasaran modal yang adil dan teratur.

Dalam ucapannya, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin menyatakan bahawa HASiL menyambut baik kerjasama ini kerana melalui MoU ini, kedua-dua pihak akan memperkukuh perkongsian maklumat dan keupayaan teknikal bagi menyokong

pelaksanaan audit, pemantauan pematuhan serta tindakan penguatkuasaan yang lebih tepat dan berimpak tinggi.

Sementara itu, YBhg. Dato' Mohammad Faiz Azmi menegaskan bahawa kerjasama antara SC dan HASiL ini amat signifikan dalam mendepani lanskap jenayah kewangan yang semakin kompleks. Untuk mencapai hasil penguatkuasaan yang lebih berkesan, ia memerlukan usaha yang merentasi agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain seperti HASiL. MOU ini bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama antara agensi, menggabungkan kepakaran dan pengalaman masing-masing bagi mengesan, menghalang dan menguatkuasakan kes-kes kewangan yang melibatkan pengeluaran cukai serta penyalahgunaan pasaran modal.

Turut hadir dalam majlis ini ialah YBhg. Datuk Hisham Rusli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) HASiL; YBhg. Dato' Ahmad Khairuddin Abdullah, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Cawangan Khas) HASiL; YBhg. Datuk Seri Abdul Jalil Hamid, Pengarah Eksekutif, Komunikasi Strategik & Pejabat Pengerusi SC; YBr. Tuan Budiman Lutfi Mohamed, Pengarah Eksekutif Penguatkuasaan SC; YBr. Encik Muhammad Azhari Tamrin @Thamrin, Pengarah Jabatan Perisikan dan Profiling HASiL serta barisan pengurusan kanan kedua-dua agensi.

Pemeteraian MoU ini mencerminkan iltizam bersama HASiL dan SC dalam memperkukuh kerjasama antara agensi melalui penyelarasan strategik, pengoptimuman penggunaan data serta pelaksanaan inisiatif bersepadu bagi menyokong keberkesanan sistem percukaian dan agenda pembangunan negara.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) HASiL Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE **BEYOND** LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

HASiL Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 20 Disember 2025

LAMPIRAN



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, KPE HASiL (dua dari kiri); YBhg. Dato' Mohammad Faiz Azmi, Pengerusi Eksekutif SC (dua dari kanan); YBhg. Datuk Hisham Rusli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) HASiL (kiri); dan YBr. Tuan Budiman Lutfi Mohamed, Pengarah Eksekutif Penguatkuasaan SC (kanan) menyempurnakan MoU mewakili kedua-dua agensi.



Sesi bergambar kenang-kenangan antara HASiL dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) selepas tamat majlis.